

## AYAT TUNGGAL DAN AYAT MAJMUK

### LATIHAN PENGUKUHAN 1:

Cerakinkan setiap ayat majmuk di bawah ini kepada ayat tunggal.

1. Ayah mencuci kereta di halaman rumah manakala ibu memasak rendang di dapur.

Ayat 1: **Ayah mencuci kereta di halaman rumah.**

Ayat 2: **Ibu memasak rendang di dapur.**

2. Salina yang menderita penyakit kanser tahap empat telah meninggal dunia di Hospital Sungai Buloh petang semalam.

Ayat 1:

Ayat 2:

3. Pekerja-pekerja asing menjadi pilihan banyak majikan di negara ini kerana mereka sanggup menerima upah lebih rendah.

Ayat 1:

Ayat 2:

4. Adakah Encik Amran hendak ke Muzium Negara atau ke Putrajaya.

Ayat 1:

Ayat 2:

5. Pendebat itu petah berhujah dan bijak mematahkan hujah lawan.

Ayat 1:

Ayat 2:

6. Siswazah yang berpandangan jauh tidak mengharapkan kerja makan gaji sahaja.

Ayat 1:

Ayat 2:

7. Semua anggota masyarakat hendaklah saling menghormati agar kehidupan rakyat di negara ini bertambah harmoni.

Ayat 1:

Ayat 2:

8. Walaupun jadual kerja pemimpin besar itu padat, beliau masih dapat meluangkan masanya untuk bertemu dengan penduduk setempat.

Ayat 1:

Ayat 2:

9. Aktiviti kokurikulum yang dilaksanakan di sekolah memberikan faedah yang banyak kepada murid-murid.  
Ayat 1:  
Ayat 2:
10. Sumbangan sektor perindustrian terhadap kekukuhan ekonomi Malaysia tidak dapat disangkal lagi malah perlu diberikan fokus utama dari semasa ke semasa.  
Ayat 1:  
Ayat 2:
11. Pembeli yang memenangi cabutan bertuah itu berpeluang untuk memilih mana-mana barang elektrik seperti ketuhar.  
Ayat 1:  
Ayat 2:
12. Produk herba di negara kita mempunyai potensi untuk dikomersialkan ke peringkat antarabangsa kerana memiliki khasiat yang tinggi.  
Ayat 1:  
Ayat 2:
13. Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilaksanakan oleh kerajaan untuk memutuskan rantai jangkitan virus Covid-19.  
Ayat 1:  
Ayat 2:
14. Setiap hari ramai orang awam ditahan oleh pihak berkuasa kerana melanggar arahan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).  
Ayat 1:  
Ayat 2:
15. Sebagai pengguna, kita perlulah mengamalkan budaya berjimat cermat semasa berbelanja dan mengamalkan budaya menabung wang.  
Ayat 1:  
Ayat 2: